

PLANMalaysia

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)


DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Adalah menjadi dasar PLANMalaysia untuk memastikan semua kakitangannya dan orang-orang lain yang mungkin terlibat dalam aktiviti-aktivitinya berada di persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

Pihak pengurusan dan kakitangannya akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dasar ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan.

Khususnya, Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PLANMalaysia adalah:

- i. Menyediakan tempat kerja yang sihat, selesa dan selamat serta sentiasa menyenggara keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh warga PLANMalaysia dengan mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa seperti yang digariskan di dalam akta keselamatan dan kesihatan perkerja 1994 (Akta 514), Arahan Keselamatan, peraturan-peraturan dan tata amalan yang diluluskan.
- ii. Memastikan keselamatan dan kesihatan semua pihak yang berada di persekitaran kerja diberi keutamaan dan perhatian yang sewajarnya untuk peningkatan produktiviti dan pencapaian PLANMalaysia.
- iii. Mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Pekerja dan Penyelenggaraan Pejabat (JKKP) yang terdiri daripada Pihak Pengurusan dan warga PLANMalaysia serta pihak-pihak lain yang berada di kawasan persekitaran sebagai inisiatif menggalakkan penyertaan semua peringkat dalam aktiviti serta program keselamatan, kesihatan dan penyelenggaraan yang dijalankan di peringkat PLANMalaysia.
- iv. Menyalurkan arahan, maklumat dan penyeliaan serta menyediakan latihan yang bersesuaian kepada warga PLANMalaysia dan pihak-pihak yang berkenaan mengenai amalan dan tatacara melaksanakan tugas yang sihat dan selamat untuk mengelakkan risiko terhadap keselamatan, kesihatan dan penyelenggaraan.
- v. Memastikan fasiliti-fasiliti keselamatan dan kesihatan pihak yang melaksanakan kawalan keselamatan bertanggungjawab memastikan semua pembekal/ kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di dalam persekitaran bangunan mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan di samping mematuhi tempoh masa kerja, peraturan dan prosedur keselamatan, kesihatan dan penyelenggaraan.
- vi. Melaporkan dan menyiasat segala kejadian melibatkan kemalangan/ insiden yang boleh mengakibatkan kecederaan atau penyakit-penyakit pekerjaan yang berlaku mengikut prosedur yang ditetapkan.
- vii. Menyediakan semua kemudahan asas kepada warga PLANMalaysia termasuk lain-lain fasiliti yang memenuhi piawaian bagi keselamatan, kesihatan dan penyelenggaraan seperti peralatan pencegahan kebakaran, peti kecemasan dan sebagainya.
- viii. Menitik beratkan amalan budaya kerja sihat dan selamat serta pencapaian tahap kecemerlangan dalam pengurusan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan semua warga PLANMalaysia.


DATO' TPr. MOHD ANUAR BIN MAIDIN

Ketua Pengarah

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Tarikh: 20 Oktober 2019
21 Safar 1441H